

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

**KAWASAN : SELAYANG**

**NO. SOALAN : 457**

**YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab-sebab bagi RM1.5 bilion pinjaman Kerajaan kepada Proton Holdings, punca-punca kerugian dan prospek masa depan syarikat.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Sektor automotif merupakan satu sektor yang strategik bagi industri perkilangan di negara ini. Sektor automotif secara keseluruhan menggajikan kira-kira 550,000 pekerja dan menyumbang RM30 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Di Malaysia, terdapat sebanyak 27 syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan penumpang, kenderaan perdagangan dan motosikal. Di samping itu, Malaysia juga mempunyai kira-kira 641 pengeluar komponen automotif yang menghasilkan pelbagai produk termasuk bahagian enjin kenderaan, komponen elektrik dan elektronik serta komponen getah.

Sejak penubuhannya pada tahun 1983, PROTON telah banyak menyumbang kepada negara dan memberi manfaat yang besar kepada

pembangunan industri automotif. Pinjaman mudah berjumlah RM1.5 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan setelah mengambil kira beberapa aspek penting. Antaranya, aspek pekerjaan, ekosistem perniagaan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Aspek-aspek ini memainkan peranan penting dalam proses pemulihan dan pengukuhan kedudukan PROTON dalam industri automotif dalam dan luar negara.

Pemberian pinjaman mudah tersebut membolehkan PROTON membuat pembayaran kepada vendor-vendor yang telah membekalkan komponen kepadanya. Ini akan memberikan peluang kepada PROTON untuk mengurangkan paras hutang syarikat, meneruskan operasi pengeluaran dan memberi tumpuan ke atas usaha-usaha pemulihan dan perkembangan syarikat.

Pelbagai faktor telah menyebabkan kerugian kepada perniagaan PROTON. Antaranya termasuk:

- kesan persaingan sengit pasaran tempatan yang menyebabkan penurunan dalam jualan kenderaan PROTON;
- kos operasi pengeluaran yang tinggi dan model perniagaan tidak berdaya saing; dan
- ketiadaan rakan kongsi strategik bagi membantu dalam pemberian kos pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang tinggi.

Bagi tujuan ini, satu Pasukan Petugas (*Task Force*) yang diterajui oleh YBhg. Dato' Seri Idris Jala, Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah ditubuhkan bagi

memastikan PROTON mematuhi syarat-syarat pinjaman mudah yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Pemberian pinjaman mudah ini adalah tertakluk kepada beberapa syarat berhubung usaha mentransformasi syarikat dan PROTON harus mencapai sasaran yang ditetapkan. Antaranya, PROTON perlu membangunkan pelan pemulihan perniagaan dan pelan strategik bagi peluasan pasaran di dalam dan luar negara. Di samping itu, PROTON perlu mendapatkan rakan kongsi asing yang boleh membantu dalam aktiviti R&D dan membawa PROTON ke tahap yang lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pada masa ini, perbincangan sedang dijalankan di antara PROTON dan beberapa rakan strategik.

Sejak Kerajaan memberi pinjaman mudah ini, PROTON telah menunjukkan beberapa perkembangan positif antaranya dari segi pengeluaran tiga model baharunya pada tahun ini serta peningkatan permintaan dan jualan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
DARIPADA [ SELAYANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab bagi kekurangan pelajar pelbagai kaum yang semakin meningkat di sekolah-sekolah kebangsaan dan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara keseluruhannya, enrolmen murid dalam sistem pendidikan menggambarkan demografi nasional. Terdapat pilihan sekolah yang mempunyai persekitaran etnik yang lebih homogen kerana Kementerian Pendidikan memberi peluang kepada ibu bapa untuk memilih sekolah sama ada yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, sekolah agama atau sekolah aliran perdana yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Persekitaran yang homogen menimbulkan cabaran kepada murid apabila terdedah kepada kepelbagai budaya dan kumpulan etnik serta

menerapkan penghargaan terhadap kepelbagaian, iaitu nilai yang kritikal bagi mewujudkan perpaduan. Apabila persekitaran murid menjadi lebih homogen, wujud keperluan bagi Kementerian Pendidikan untuk menyediakan program bagi menggalakkan murid pelbagai etnik berinteraksi.

Dalam usaha mengukuhkan perpaduan, penting bagi setiap murid berinteraksi dan belajar bersama-sama rakan sebaya dan guru daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan latar belakang sosioekonomi. Oleh itu, program yang memupuk perpaduan seperti Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) dijalankan menerusi aktiviti kokurikulum bagi mengukuhkan interaksi dalam kalangan murid di pelbagai jenis sekolah.